

02 APR 1998

Parlimen-Bahas

ANGGOTA PARLIMEN CADANG KEM SEMENYIH DIPINDAHKAN

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini mencadangkan di Dewan Rakyat supaya pusat tahanan sementara pendatang asing Semenyih dekat sini dipindahkan.

Badrul Hisham Aziz (BN-Hulu Langat) berkata pusat itu wajar dipindahkan kerana penduduk tempatan kini ketakutan ekoran berlakunya kejadian rusuhan di pusat itu baru-baru ini.

Seorang anggota unit simpanan persekutuan dan lapan orang pendatang tanpa izin Indonesia terbunuh dalam rusuhan di pusat tahanan itu Khamis lepas apabila operasi menghantar mereka pulang hendak dijalankan.

Ketika berucap pada perbincangan usul terima kasih atas titah Yang di-Pertuan Agung, Badrul Hisham turut mempersoalkan bagaimana gambar-gambar kejadian rusuhan itu tersebar di luar negara sedangkan media tempatan tidak mempunyainya.

Wan Hanafiah Wan Mohd Saman (BN-Pokok Sena) pula meminta kerajaan menyiasat tentang sindiket pinjaman palsu dari negara asing yang memperdayakan ahli korporat negara ini.

Beliau berkata sindiket itu melakukan penipuan dengan menawarkan pinjaman RM500 juta kepada ahli korporat yang sanggup membayar "duit kopi" sebanyak RM5 juta kepada sindiket itu.

Bagaimanapun setelah wang itu dibayar segala dokumen kelulusan pinjaman yang diberikan oleh sindiket itu didapati palsu, katanya.

Beliau mendakwa beberapa ahli korporat telah terpedaya dengan kelicikan sindiket itu.

Wan Hanafiah juga meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan buku "Sunnah Nabi Muhammad vs Sunnah Mahathir Mohamad" tulisan Syed Hussein Al Attas kerana dikatakan mengandungi unsur-unsur hasutan dan mengelirukan orang ramai.

Henrynus Amin (PBS- Kinabalu) pula menimbulkan masalah nama pendatang asing yang tersenarai dalam daftar pemilih di beberapa kawasan di Sabah.

Di samping itu, katanya, perbuatan memindahkan nama pengundi ke kawasan lain tanpa pengetahuan pengundi sendiri dikatakan semakin berleluasa.

Beliau berkata dua laporan polis telah dibuat mengenai kedua-dua perkara itu namun belum ada tindakan diambil bagi membetulkan keadaan.

Beliau berharap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengambil tindakan bagi menangani kedua-dua masalah itu secepat mungkin agar proses pengundian dalam pilihan raya di Sabah tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Dr Tan Yee Kew (BN-Klang) pula meminta pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU) agar lebih berhati-hati dalam meluluskan projek penswastan kepada sesuatu syarikat terutama daripada segi syarat-syarat konsesi agar tidak menyusahkan rakyat apabila ia dilaksanakan.

Beliau berkata projek penswastan lebuhraya menerusi Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan pembetulan menerusi Indah Water Konsortium (IWK) dapat dijadikan iktibar dalam meluluskan projek penswastan pada masa akan datang.

Dr Leela Rama (BN-Kapar) pula merayu Kementerian Pendidikan agar meneliti masalah yang dihadapi murid sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil terutama daripada segi aspek kemudahan asas serta peralatan pembelajaran.

Beliau berkata murid-murid sekolah Tamil berupaya meningkatkan prestasi pembelajaran masing-masing sekiranya mereka disediakan dengan kemudahan asas yang mencukupi.

Datuk Mohd Zihin Hassan (BN-Larut) ketika menyokong usul itu meminta

Kementerian Pendidikan menunaikan janji membekalkan komputer kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini.

"Di kawasan saya banyak sekolah menengah masih menunggu komputer yang dijanjikan itu," katanya.

Beliau berkata dalam era multimedia ini, adalah satu kerugian jika pelajar ketinggalan dalam menikmati kemahiran teknologi maklumat.

Persidangan disambung Rabu depan. -- BERNAMA

NZ AKT NMO